

CADANGAN PANDUAN BAGI SISTEM DOWN ESYARIAH VERSI 3

Sistem E-Syariah versi 3 dilaksanakan pada 30 September 2022 bersamaan 3 Rabiul Awal 1444.

Panduan ini akan menerangkan alternatif penyelesaian sementara kepada beberapa proses sedia ada ketika sistem Esyariah Versi 3 (ESV3) mengalami masalah capaian.

Pihak BTMK mengambil maklum berkenaan isu ketidakstabilan sistem dan infrastruktur untuk masa akan datang. Perancangan Disaster Recovery Center (DRC) telah ada didalam perancangan JKSM bagi tahun 2023.

Pada masa akan datang pihak negeri boleh membuat cetakan buku kausa secara harian/mingguan/bulanan melalui sistem bagi rujukan kepada nombor kes yang didaftar (untuk sementara boleh rujuk ICT negeri masing-masing untuk nombor kes terakhir di ESV3)

SOP PENDAFTARAN KES BAHARU KETIKA SISTEM “DOWN”

PILIHAN 1

1. Pendaftaran kes secara manual
 - a. Sediakan satu buku log/kausa/daftar
 - b. Terima dokumen pendaftaran kes untuk pendaftaran secara manual
 - c. Catat nombor kes berdasarkan amalan buku log/kausa/daftar terdahulu
 - d. Terima pembayaran menggunakan resit manual/iGFMAS/iSPEKS
 - e. Keluarkan permohonan dan saman secara manual
2. Tindakan susulan
 - a. Pendaftaran semula selepas sistem ESV3 kembali pulih
 - b. Daftarkan nombor resit manual di bahagian nombor rujukan pada modul pembayaran. Resit yang dijana oleh sistem ESV3 tidak perlu dicetak
3. Impak
 - a. Jika terdapat pertindihan/kesilapan pendaftaran kes secara manual (1c), nombor kes baharu yang dijana melalui ESV3 akan diberi semula kepada pihak-pihak

ATAU

PILIHAN 2

1. Pendaftaran kes menggunakan sistem ESV2
 - a. Pendaftaran kes baharu menggunakan ESV2
 - b. Terima pembayaran menggunakan resit ESV2/iGFMAS/iSPEKS
2. Tindakan susulan
 - a. Pihak SAINS/BTMK JKSM akan melaksanakan proses migrasi, data mapping dan conversion dari ESV2 ke ESV3
3. Impak

- a. Nombor kes yang didaftarkan akan menggunakan nombor kes ESV2 dan akan kekal di ESV3 sehingga kes tersebut selesai.
- b. Penggunaan ESV2 hanya boleh digunakan sehingga dimaklumkan kelak.

ATAU

PILIHAN 3

1. Tutup pendaftaran untuk kes-kes baharu
2. Pihak negeri boleh mengambil inisiatif untuk mengambil janjitemu

SOP BAGI KES YANG TELAH DIDAFTARKAN DI ESV2 DAN ESV3

KES YANG TELAH DIDAFTARKAN DI ESV3

1. Terima dokumen dan pengeluaran resit secara manual untuk kes yang telah didaftarkan di ESV3
2. Tindakan susulan
 - a. Pendaftaran semula selepas sistem ESV3 kembali pulih

KES YANG TELAH DIDAFTARKAN DI ESV2

1. Terima dokumen dan pengeluaran resit untuk kes yang telah didaftarkan di ESV2
2. Pengurusan kes di dewan mahkamah seperti eBicara, borang-borang dan lain-lain fungsi menggunakan sistem ESV2
3. Tindakan susulan
 - a. Pengemaskinian semula selepas sistem ESV3 kembali pulih
 - b. Pihak SAINS/BTMK JKSM akan melaksanakan proses migrasi, data mapping dan conversion dari ESV2 ke ESV3

Disediakan oleh: Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (BPKR) dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) JKSM.

Tarikh kemaskini: 20 Disember 2022